

PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA
PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN STPM/SETARAF
SESI AKADEMIK 2006/2007
KATEGORI LEPASAN STPM 2005

Permohonan kemasukan ke IPTA bagi Lulusan STPM 2005 adalah melalui Aplikasi Dalam Talian (*Online Application*).

Permohonan Kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian akan dibuka kepada pemohon mulai 03 JANUARI 2006 jam 12.00 tengah hari sehingga SEPULUH (10) hari selepas keputusan STPM 2005 diumumkan dengan melayari laman web berikut :-

1. <http://emoe.gov.my>
2. <http://www.mohe.gov.my>

Pemohon dikehendaki merujuk menu Panduan Aplikasi Dalam Talian yang terdapat di bahagian atas laman web bagi mengetahui prosedur permohonan bagi memastikan permohonan/kemas kini selamat diterima oleh sistem.

Sekiranya pemohon berminat untuk mengikuti **program pengajian yang ada temu duga** di IPTA, anda perlu **membuat pilihan program dari** Pilihan 1 hingga 4 sahaja.

PERHATIAN : Pemohon dikehendaki membaca dan meneliti panduan yang disediakan di bahagian atas dan kanan laman ini bagi mendapatkan maklumat yang tepat supaya permohonan selamat diterima dan diproses untuk kemasukan ke IPTA :-

<p style="text-align: center;">Maklumat AM</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Maklumat BPKP 2. Maklumat Permohonan 	<p>Menu ini mengandungi maklumat mengenai Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) yang merangkumi tugas utama BPKP.</p> <p>Ia turut memberikan maklumat kepada anda mengenai Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf bagi permohonan kemasukan ke IPTA seperti institusi yang menawarkan program, syarat permohonan, kriteria pemilihan, kategori permohonan, pilihan program pengajian dan sebagainya.</p>
<p style="text-align: center;">Syarat Program</p>	<p>Menu ini mengandungi semua syarat khas program yang ditawarkan oleh IPTA untuk membantu anda dalam membuat pemilihan program mengikut kelayakan.</p>
<p style="text-align: center;">e-Panduan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Aplikasi Dalam Talian 2. Carta Alir Proses Aplikasi Dalam Talian 3. Panduan Mengisi Maklumat 4. UPU Infoline, TELEUPU, SMS 5. Alamat IPTA/ Jabatan/ Agensi 	<p>e-Panduan ini mengandungi segmen yang boleh membantu anda dalam mengetahui maklumat seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cara mengemukakan permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian yang melibatkan proses permohonan, semakan dan kemaskini. • Membantu anda dalam mengisi maklumat di dalam borang Aplikasi Dalam Talian supaya lebih jelas dengan apa yang ingin diisi oleh anda. • Anda boleh menyemak maklumat Status Penerimaan Permohonan dan Keputusan permohonan melalui penggunaan UPU Infoline, TELEUPU CELCOM dan SMS. • Anda juga dimaklumkan mengenai alamat terkini IPTA atau agensi yang berkaitan.
<p style="text-align: center;">Permohonan</p>	<p>Menu Permohonan adalah bagi pemohon yang baru hendak mengemukakan permohonan.</p>

Semakan	Menu Semakan membantu anda untuk menyemak sama ada permohonan anda benar-benar selamat diterima oleh sistem dan kemudian mencetak maklumat permohonan.
Kemaskini	Sekiranya, anda ingin membuat pembedulan permohonan yang telah dihantar, anda boleh pergi ke menu ini. Anda diingatkan hanya mempunyai tiga (3) kali peluang sahaja.

Pemohon dikehendaki mengemukakan Kad Pengenalan/ MyKad atau salinan Kad Pengenalan/ MyKad pemohon semasa membuat pembelian Nombor Unik ID. Sekiranya pemohon **tidak mengemukakan dokumen di atas, berkemungkinan anda tidak boleh membeli Nombor Unik ID dan seterusnya membuat permohonan kemasukan ke IPTA.**

Pemohon hanya dikehendaki membayar wang berjumlah RM 15.60 untuk membeli Nombor Unik ID di mana-mana kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Malaysia. BSN akan mengeluarkan slip resit yang mengandungi Nombor Unik ID pemohon. Pembelian Nombor Unik ID hendaklah dibuat atas Nama dan Nombor Kad Pengenalan pemohon.

Pemohon dikehendaki memasukkan Nombor Unik ID yang didapati dari kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk memasuki laman web permohonan Dalam Talian.

PERHATIAN : SILA RUJUK PANDUAN APLIKASI DALAM TALIAN UNTUK MENGETAHUI PROSEDUR/LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN.

Sebarang pertanyaan mengenai masalah permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian, Sila hubungi ke alamat berikut:-

No. Tel : 03-88835801/02 Faks : 03-88894260

E-mail : upu@mohe.gov.my

Pegawai
Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Sektor Pengurusan IPTA, Jabatan Pengurusan IPT
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
Aras 1, Blok E9 Parcel E Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 Putrajaya